

Memorandum
Perlantikan Undang
Luak Sungai Nyong

Mac 1988

اوندغ ۲ توبه كراجان نكري سمبيلن 1959

I.

باب 5-1. اوندغ بھامقہ دان تفکوسر تمفین

14. (1) اوندغ لواق سوڭي اوجع، اوندغ لواق جلیو، اوندغ لواق
جوهل دان اوندغ لواق ربو هندقله اورغ ۲ بھدفلبه دشن صحن مشورۃ
عاده لواق مرېک ماسېغ ۲.
فېلېپین اوندغ
بھامقہ دان
تفکوسر
تمفین

2.

باب 6 دیوان کھادیلن دان اوندغ

16 هندقله اد سبواه دیوان کھادیلن دان اوندغ بھدنامکن دالم بھاس
انگریسن "The Council of the Yang di-Pertuan Besar and the Ruling Chiefs"
یع کمدین دری این دسبوت سبائی دیوان انتو
ضمېختکن انس سوال ۲ برکشان دشن عاده استعاده اورغ ۲ ملایو دمان ۲
تمقہ دالم نكري این اتو دائس لائین ۲ فرکارا بھولہ دسٹفیکن کندان
اولہ دولتی بھما ملیا اتو سیاف ۲ درقد اوندغ بھامقہ دان تفکوسر تمفین
دان باکي بھجالتکن کواجھفن ۲ بھولہ دبھیکن کندان اولہ فرلمبگان این
اتو سیارغ اوندغ ۲ بھرکواس .
دیوان کھادیلن
دان اوندغ

3.

باب 8 - شرط ۲ عام

32. دكجوالیکن سېگمان بھاد دېتاکن دالم این مک بھاکین این تباداله
منتوه اتوران دان عاده نكري سمبیلن زمان فریکالا تنافي اتوران دان عاده
زمان فریکالا ایت مان ۲ بھتقد برلاوشن کھدتن دشن بھاکین این اکن برجالن
سفرت دھولو جوک .
اتوران دان
عاده زمان
فریکالا
تفرلیھارا

4. Berdasarkan pula kepada article 181 (I) Perlembagaan Persekutuan ada disebutkan:-

181. Perkecualian bagi kedaulatan Raja-raja, dsb.

(I) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidangkuasa Raja-Raja dan hak kedaulatan, kuasa dan bidangkuasa Pembesar-Pembesar Memerintah Negeri Sembilan dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga sekarang adalah tidak tersentuh.

5. Mengikut Peruntukan-Peruntukan yang tercatat dalam " Trombo 'Adat " Luak Sungai Ujong yang sebahagiannya ada dinukilkan kembali dalam buku " Negeri Sembilan dan Sejarahnya " Oleh Haji Abdul Samad bin Idris sekarang bergelar(Tan Sri/Dato') Muka Surat 61 berbunyi:-

" Waris Kelana, dua orang ibu bapa ialah Dato' Mahara-ja Lela Waris Hilir dan Dato' Johan Waris Hulu,Dato' Dato' ini berkuasa memilih sesiapa yang patut menja-di Dato' Kelana Sungai Ujong. Sabenarnya Dato' Dato' yang dikatakan Waris Kelana ialah 'Ibu Bapa' kepada dua keturunan Perut yang tertinggi diSungai Ujong iaitu Waris Hilir dan Waris Hulu."

6. Berdasarkan dalam buku J.M. Gullick Volume 22, part 2 Muka Surat 31 & 32 pula disebutkan:-

" The Dato' Klana is an elected ruler but the choice of candidates and the roll of elector is strictly limited. The right to provide a Dato' Klana is limited to the Waris Klana, which is a section of the Waris diDarat.....on the death of the previous Dato' Klana the authority to set the constitutional process in motion vests in the Dato' Andika Lembaga of Waris diDarat in which the Waris Klana is included and senior member of the council of Lembaga Tiang Balai. The Dato' Andika summons the Waris Klana and the other member of the Lembaga Tiang to the Balai of Undang in order that successor may be elected."

7. " BULAT LEMBAGA MENJADIKAN UNDANG."

Takrif ' LEMBAGA ' itu adalah:-

- 1.Lembaga Tiang Balai
- 2.Lembaga Waris Kelana
- 3.Lembaga Tiga Persukuan

8. Lembaga Tiang Balai (J.M. Gullick M.S.66 Volume 22 Part 2):-

- 1.Dato' Andika Mendelika
- 2.Dato' Sri Maharaja Diraja
- 3.Dato' Akhir Zaman

Dan mencukupi empat dengan salah seorang Dato' yang bergajah tunggal.

Dato' bergajah tunggal iaitu bukannya Lembaga Tiang Balai:-

- 1.Dato' Dagang Paroi
- 2.Dato' Muda Labu

9. Lembaga Waris Kelana

1. Dato' Maharaja Lela (Tua Lembaga Waris Hilir)
2. Dato' Johan (Tua Lembaga Waris Hulu) telah terpecat.

10. Lembaga Tiga Persukuan

1. Dato' Menteri (Suku Semelenggang)
2. Dato' Raja Dimuda (Suku Biduanda)
3. Dato' Maharaja Inda (Suku Batu Hampar)

Fungsinya Lembaga Yang Tiga(Lembaga Tiga Persukuan)

" Menebang Kayu nan sebatang
Mencantas akar sehelai
Melambuk tanah sebungkah
Membuka belah negeri berpenghulu ".

Diantara tugas-tugasnya:-

1. ialah sebagai Penyuluh 'Adat diPantai dan Sungai Ujong.
2. Bekerjasama dengan Tua Lembaga Waris Kelana dalam soal menapis, memilih dan mencari benih yang baik yang sah didalam Waris yang bersoko dan berpasaka.

II. Nota: Sebenarnya dalam soal menentukan calon 'Undang' adalah diprocess mengikut saluran-saluran yang tertentu, dan Tua Lembaga Waris Kelana adalah berperanan sebagai ketua untuk menentukan pencalunan, sedang Tua Lembaga Tiang Balai akan menerima pencalunan itu diselidek siasat dari segi kesahihan-nya.

Tua Lembaga Waris Kelana dan Tua Lembaga Tiang Balai adalah mustahak dalam process ini kerana mereka menjadi ketua kumpulan bagi pihak masing-masing.

12. Dato' Shahbandar

Sebagai tunggak Waris diilir yang berperanan mengisytiharkan calon sebagai melengkapkan penyempurnaan istiadat yang bertepatan dengan kata-kata 'adat:

" Telor sabiji sama ditatang
Pesaka satu sama dibela. "

Akan tetapi pada amalnya Dato' Shahbandar tidaklah berperanan sebagai pelantik ' Undang ' bertepatan seperti kata perbilangn 'adat:

" Bulat anak.buah menjadikan Buapak
Bulat Buapak menjadikan Lembaga
Bulat Lembaga menjadikan Undang
Bulat Undang menjadikan Raja(Yang diPertuan)"

13. Beberapa peruntukan mengenainya ada tercatat dalam Perlembagaan Negeri Sembilan 1959. Peranan Dewan Ke'adilan dan Kerajaan Negeri juga perlu diambil kira. Ia bukan boleh diselesaikan didalam 'Adat sahaja tetapi turut melibatkan pihak-pihak yang berkenaan seperti Dewan Ke'adilan dan Undang-undang merestui dan kemudiannya diiktiraf oleh Kerajaan Negeri.

14. اونديغ؟ نوبه كراچان نكري سيمبلان ، 1959 باب (ب) جراين 15
(I) اد مېونكن:-

داتو' شهيندر سوځي اوجغ هندقله سئورغ يلدفيليه دشن صحن
منجادي توځنگي واريس داتو'ر منوره عاده لواق سوځي اوجغ .

(2) دشن نيدق مغلکوي انديککا ، کواس گدان نگانن داتو' کلان
سباځي اونديغ دان دشن ترتعلق کفد شرطاً فرلمگان ابن هندقله
اد فرونديغن دانتاران دشن داتو' شهيندر ددالم سکل فرکارا
يع مغاي' حال احوال لواق سوځي اوجغ .


15. Dato' Shahbandar tidak boleh mencampuri urusan Lembaga-Lembaga 'Adat Waris diDarat dalam menentukan pesaka 'Undang Luak Sungai Ujong' kecuali Lembaga-Lembaga Waris didarat minta beliau campur tangan untuk menyelesaikan masa'alah. Ini bertepatan dengan kata-kata Perbilangan 'Adat yang berbunyi:-

" Kusut diAir diDarat Menyelesaikan
Kusut diDarat diAir menyelesaikan."

16. Dik 'Adat itu datar, pesaka satu, bernang-ruang bak durian, berlopak-lopak bak sawah, Lubuk orang jangan dikacau, hak orang jangan diusek, 'adat orang jangan dicela, tetapi Dato' Shahbandar sebagai sifatnya sa-orang pembesar didalam luak Sungai Ujong perlu mengadakan mesyuarah dan perundingan dengan Lembaga-Lembaga Waris diDarat demi memelihara 'adat itu, melindunginya dari anasir-anasir jahat untuk merosakkannya yang datangnya dari dalang-dalang yang terdiri dari Lembaga-Lembaga 'adat itu sendiri yang diselaraskan dari kata-kata perbilangannya:-

" Pesaka hendak dijual beli .
Malu nak diagih
Ibarat limau masam sebelah
Perahu karam sekerat
Puar condong keperut
Berakksi kelutut
Tiba dimata dipicingkan
Tiba diperut dikempiskan."

SALASILAH DARI TROMBO
SUNGAI UJONG
(MUKA SURAT 44)



Kebulatan Dato' Dato' Tiga Persukuan sebagai ' penyuluh 'adat di Pantai, Tua Lembaga Waris Kelana Dato' Maharaja Lela serta di persetujui oleh Dato' Andelika Mendelika Tua Lembaga Tiang Balai maka penyandang pesaka Dato' Kelana ialah Raja Azman bin Raja Amir mengikut Salasilah di atas.




Y.T.M.,

Dato' Kelana Putera Sungai Ujong
Dato' Mohd Kassim bin Dato' Nika
Haji Abd.Rashid Undang Yang Ke-9.

Menanda tangani perjanjian
Persekutuan Tanah Malayu
menggantikan Malayan Union,

1948

D.Y.M.M. Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan
Tuanku Abd. Rahman Ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad
dan
Sri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong Yang Pertama



Menanda tangani Perjanjian ka Merdekaan Malaysia 1957

Dato' Maharaja Lela,
Zamhari bin Hj.Abd Rahman,
Tua Lembaga Waris Kelana,
Lorong 5,Kampung Baru,
Pantai,71770 Seremban.
Tarikh: 9 December,1987.

Kepada:

Dato Andika Mondolika,
Fadzil bin Kordin,
Tiang Balai Luak Sungai Ujong,
Pantai,Seremban.

I.M Dato,

Per: Kebulatan Kawapatan Dato Dato Lembaga Luak Sungai Ujong.

Saya Dato Maharaja Lela sebagai Tua Lembaga Waris Kelana yang Dato mandatkan
mengotuai waris perut Balu dan Bilir telah mengadakan kawapatan Dato Dato
Lembaga waris didarat telah mencapai kebulatan seperti berikut:-

1. Mengilirkan pesaka Undang Luak Sungai Ujong Ke 10 ke perut Bilir.
2. Mengilirkan pesaka Undang Luak Sungai Ujong Ke 10 ke perut Kampung
Maggis yang belum lagi pernah menyandang pesaka tersebut.
3. Anak waris yang layak menyandang pesaka Undang Luak Sungai Ujong Ke 10
ini kepada RAJA AZMAN BIN RAJA AMIR. NO.KAD PENGEMALAN 2479727.

Dengan kebulatan ini saya berserta Dato Dato Lembaga Tiga Perumahan mewariskan
kan tanda tangan kami untuk pengubahan Dato Andika Mondolika,Tiang Balai
Luak Sungai Ujong.

Setelah, Terima kasih.


.....
Zamhari bin Hj.Abd.Rahman
Dato Maharaja Lela.


.....
Dato Menteri
Sahar bin Enof.


.....
Dato Raja Dikanda
Hj.Zakumudin bin Huan.


.....
Dato Maharaja Ima
A.Ghafar bin Hj.Tahir

Dato Andika Mendilika,
Fadzil bin Nordin,
Lembaga Tiang Balai,
Luak Sungai Ujong,
Batu 7, Pantai 71770
Seremban.
Tarikh : 8 December 1987.


D.Y.M.M Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan,
Pengerusi Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan,
Istana Hinggap,
Seremban.

Ampun TuanKu,

Per: CALUN UNDANG LUAK SUNGAI UJONG KE 10.

Patek Dato Andika Mendilika Fadzil bin Nordin, Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong telah pun menyempurnakan tugas patek menerima dengan teliti segala hujah hujah dan bersetuju atas kerapatan dan kebulatan Dato Dato Lembaga didarat Luak Sungai Ujong yang mengilirkan pesaka Undang Luak Sungai Ujong Ke 10 ke waris di Hilir kepada waris tanak yang luyak dari perut Kampong Manggis yang bernama RAJA AZMAN BIN RAJA AMIR, nombor kad pengenalan 2479727.

Janjeng kareh. Ampun TuanKu.


.....
Dato Andika Mendilika,
Fadzil Bin Nordin,
Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong.

Salutan kepada:-

1. Y.T.M. Undang Luak Jelabu
2. Y.T.M. Undang Luak Johol
3. Y.T.M. Undang Luak Rembia
4. Y.T.M. Tunku Besar Tanjung
5. Y.A.M. Dato' Shahbandar Sungai Ujong
6. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Negeri Sembilan
7. Y.B. Setiausaha Dewan Keadilan Dan Undang.

Dato Maharaja Lela,
Zamhari b. Hj. Abd. Rahman,
Tua Lembaga Waris Kelana,
Lorong 5, Kampong Baru,
Pantai, 71770 Seremban.

Tarikh : 5hb March 1988

Kebawah Duli
D.Y.M.M. Yang Di Pertuan Besar
Negeri Sembilan
Pengerusi
Dewan Keadilan dan Undang
Negeri Sembilan
Istana Besar
Seri Menanti.

Ampun Tuanku.

Perkara Perlantikan Dato Kelana Petra
Undang Luak Sg. Ujong

Patek Dato Maharaja Lela Zamhari b. Hj. Abd. Rahman dengan kebulatan Dato Dato Lembaga Di Darat Luak Sungai Ujong merujuk sembah Kebawah Duli Tuanku, Pengerusi Dewan Keadilan untuk mendapat restu ahli Dewan Keadilan untuk Perlantikan Dato Kelana Petra Undang Luak Sungai Ujong ke 10.


2. Patek bersama sama Tua Lembaga Tiang Balai Sg. Ujong, Dato' Dato' Tiga Persukuan, Dato' Muda Linggi, dan Dato' Andatar Mantin telah pun menyembahkan Kebawah Duli Tuanku nama penyandang pesaka Undang Luak Sungai Ujong pada 8hb December 1987. Bersama ini disertakan juga surat kebulatan Dato Dato Lembaga kepada D.Y.M.M. Tuanku dan ahli ahli Dewan.

3. Kedatangan patek-patek pada pagi ini adalah untuk mendapat restu Dewan Keadilan dan Undang atas kebulatan Dato' Dato' Lembaga Waris Di Darat.

4. Oleh kerana kekosongan Undang Luak Sungai Ujong ini telah berlarutan maka patek Dato' Dato' Lembaga Luak Sungai Ujong beresetuju akan membuat perlantikan pada 12hb March, 1988 bersamaan hari Sabtu jam 10.00 pagi di Balai Undang Luak Sungai Ujong.

Adalah patek patek Dato' Dato' Lembaga akan menunggu di Luar Dewan untuk mendapat restu pihak Dewan Keadilan dan Undang. Adalah diharapkan Ahli Dewan akan berpegang kepada adat dan memberi Keadilan yang seadil adilnya.

Junjung Kasih. Ampun Tuanku.


Dato Maharaja Lela
Zamhari b. Hj. Abdul Rahman
(PF. 68155)



Jenazah Almarhum Dato' Klana Mohamad Kassim meninggalkan rumahnya di Pantal untuk disemadikan.

Mengikut 'adat'nya seorang yang ditentukan daripada Waris Kelana hendaklah duduk diatas usungan semasa Jenazah Al-Marhum diusung dibawa keperkuburan. Waris Kelana yang duduk diatas usungan itulah bakal pengganti Y.A.M. itu sebagai Undang Luak Sungai Ujong. Sebenarnya Dato' Andelika Mendelika menetapkan seorang Waris bakal pengganti itu duduk diatas usungan dan menabur emas dari Telapak Undang hingga keperkuburan.

Kerana keadaan dan suasana masih lagi diliputi kesedihan pada hari permakaman itu Waris telah mengamanahkan Dato' Andelika Mendelika memangku Jatan Undang selama 100 hari dan pada masa yang sama, bapa (baka) kepada Raja Azman bin Raja Amir (bakal Undang Luak Sungai Ujong) iaitu Raja Amir bin Raja Ahmad Waris Dato' Andelika Mendelika telah didudukkan diatas usungan sebagai " Ganti Lalai " kepada bakal calon yang telah dipersetujui bersama oleh Tua Lembaga Tiang Balai Dato' Andelika Mendelika dan Tua Lembaga Waris Kelana Dato' Mahareja Lela iaitu Raja Azman bin Raja Amir menyandang pesaka Dato' Kelana Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10.

Istiadat dan aturcara pengekebumian itu telah disaksikan oleh Y.A.M. Undang Luak Jelebu, Y.A.M. Undang Luak Johol, Y.A.M. Undang Luak Rembau dan Tunku Besar Tampin. Turut hadir ialah Y.A.B. Dato' Menteri Besar Negeri Sembilan Dato' Haji Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad dan Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Y.B. Dato' Ismail Mansor serta Ketua-ketua Jabatan Kerajaan.

Dato' Maharaja Lela,
Zamhari bin Haji Abdul Rahman,
Tua Lembaga Waris Kelana,
Lorong 5, Kampung Baharu Pantai,
Seremban,
NEGERI SEMBILAN.

بسم الله الرحمن الرحيم

24hb. Mach, 1988

6 شعبان, 1408

DYMM Tuanku Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abd.Rahman,
Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan,
Pengurus Dewan Ke'adilan dan Undang,
Negeri Sembilan.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,
Sembah patik mohon diampun,

Per: Perlantikan Undang Luak Sungai Ujong
Yang Ke-10

Dengan Nama Allah, tiada Tuhan Yang Disembah melainkan Allah, dan bawasanya Nabi Muhammad itu Pesuruh Allah, adalah patik patik pa-cal yang hina sentiasa bertasdik dengan niat yang suci sekali lagi patik patik menyusun sepuluh jari merafakkan sembah takzim kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, tunggak ke'adilan dan Yang Di-pertuan junjongan patik pa-cal-pa-cal sakalian maka tiadalah sekali-kali patik berpaling sembah untuk melaksanakan tugas yang telah di-amanahkan kepada patik sebagai Lembaga-lembaga Adat Luak Sungai Ujong yang telah berkebulatan untuk menyebarkan Memorandum ini. Mudah-mudahan ia mendapat restu dan lempah kurnia dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Pengurus Dewan dan Yang Amat Mulia Yang Amat Mulia Undang Luak Jelebu, Undang Luak Johol, Undang Luak Rembau, Tunku Besar Tampin lebih lebih lagi Dato' Shahbandar Luak Sungai Ujong sebagai Tunggak Waris diAir barang apa jualah kiranya perkara perlantikan Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 ini dapat disempurnakan dengan penuh ke'adilan dan kebijaksanaan mengikut 'Adat Istiadat Luak Sungai Ujong.

2. Berkenaan Perkara patik patik sakalian membelakangkan Dato' Shahbandar sebagai Tunggak Waris diAir Luak Sungai Ujong itu sebenarnya tidaklah berlaku. Bahkan patik patik sakalian telah merundingkannya dengan Dato' Shahbandar termasuk Lembaga Tiang Balai yang diiktiraf oleh Dewan iaitu Dato' Sri Maharaja Diraja Azman bin Jamrus dan Dato' Muda Labu Zainuddin bin Haji Abdullah beberapa kali. Umpamanya patik patik sakalian telah mengadakan beberapa kerapatan dan perundingan di Balai Undang Luak Sungai Ujong untuk me-ujudkan pesaka itu. Dan pernah pada beberapa kerapatan Dato' Shahbandar sendiri mengengusikan mesyuarat dan pernah dalam mesyuarat itu mengambil keputusan memberi kuasa kepada Tua Waris Perut Hilir menghadrirkan diri dalam semua perbincangan yang diadakan oleh empat Dato' Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong bagi membereskan urusan pemilihan Dato' Kelana Ke-10. Sila lihat 'Berita Harian' Keluaran 5hb.Mach, 1986 bersamaan 24hb. Jamadilakhir, 1406. Tetapi selepas itu Dato' Shahbandar bertindak disbaliknya iaitu ia meminta patik patik sakalian meyerahkan kuasa atau dengan perkataan lain menyerahkan benang putih kepadanya. Sebagai baktinya lanjutan tindakan daripada patik patik pula pada 21hb.Oktober, 1986, patik patik ada menghantar sapuok surat kepada Dato' Shahbandar menerangkan kedudukan yang sebenarnya tentang perlantikan Dato' Kelana Sungai Ujong dan meminta Dato' Shahbandar sama sama menyelesaikannya tetapi tidak meminta dia melibatkan diri secara langsung dalam soal memilih calon. Salinan surat itu juga ada dihantar kepada tiap-tiap Ahli Dewan khususnya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Pengurus Dewan.

Ampun Tuanku,

3. Selepas itu sekali lagi merundingkannya dengan Dato' Sri Maharaja Diraja Azman Jamlus Lembaga Tiang Balai Waris di-Air dan dalam perundingan patik dari hati kahati dimana beberapa titik persetujuan telah pun dicapai dan patik telah pun menghantar surat kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu Dato' Haji Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad DSMS, PNC., bertarikh pada 20hb. November, 1986 bersamaan 18hb. Rabialawal, 1407, dan salinannya ada dihantar kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Pengurus Dewan dan Yang Amat Mulia Yang Amat Mulia Ahli-Ahli Dewan yang lainnya. Patik patik sakalian telah meminta nasihat dan garis panduan dari Dewan supaya dapat menyelesaikan masalah perlantikan ini; tetapi Dato' Shahbandar bertindak pula menggantikan jawatan Dato' Sri Maharaja Diraja Azman Jamlus pada 5hb. Disember, 1986 dan berita penggantungannya ada disiarkan dalam akhbar 'Berita Harian' keluaran 16hb. Disember, 1986 bersamaan 14hb. Rabialakhir 1407. Demikianlah tindakan yang diambil oleh Dato' Shahbandar untuk menggagalkan perlantikan ini.

4. Tindakan patik patik menghantar Memorandum kepada setiap Ahli Dewan khususnya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Pengurus Dewan dihari Dewan bersidang pada 8hb. Mach, 1988 bersamaan 19hb. Rejab, 1408 itu sabgarnya telah pun mendapat keizinan dan kebenaran daripada Tua Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong Dato' Andika Mendelika Mohd Fadzil bin Nordin selaku Tua Lembaga Waris diDarat Luak Sungai Ujong. Patik patik pacal sekalian menyembahkannya samata-mata untuk mendapat restu dan lempah kurnia dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Yang Amat Mulia Yang Amat Mulia Ahli Dewan yang lainnya bagi menyelesaikan perlantikan Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 ini seberapa cepat yang bolih kerana patik patik sakalian beranggapan kekosongan jawatan ini telah terlaui lama. Jika dibiarkan maka kepincagan masyarakat adat diLuak ini semakin memuncak.

5. Nampaknya apabila berlaku krisis 'adat ini sepatutnya yang terlibat dan melibatkan diri dalam soal per'adatan ialah Dato' Dato' Lembaga Adatnya yang diiktiraf kedudukan dan keghiahannya sebagai Lembaga Lembaga Adat. Oleh itu pihak Dewan jua tidak seharusnya memandang penglibatan Dato' Dato' Lembaga Adat diLuak Sungai Ujong yang menyembahkan Memorandum ini sebagai tindakan yang luar biasa sebagaimana tohmah dalang-dalang adat yang hanya berani menyamar dilembaran-lembaran akhbar. Kerana patik patik Dato' Lembaga Adat dalam Luak Sungai Ujong ini mempunyai peranan masing-masing dalam pelaksanaan perlantikan Undang sebagaimana yang disebutkan dalam Perbilangannya:-


" BULAT LEMBAGA MENJADIKAN UNDANG ".

DiSungai Ujong ini takrif ' LEMBAGA ' itu adalah:-

1. Lembaga Tiang Balai
2. Lembaga Waris Kelana
3. Lembaga Tiga Persukuan

6. Apabila diteliti kedudukan perkara hak asasi Dato' Dato' Lembaga Adat itu dalam menentukan pesaka Undang Luak Sungai Ujong Yang Ke-10 ini dibawah ini diperturunkan rajah yang menunjukkan kesahihan kata-kata itu:-

" Bulat Undang menjadikan Raja ' Yang DiPertuan '
Bulat Lembaga menjadikan Undang
Undang bertapak dari warisnya
Gemuk berpupuk segar bersiram oleh Warisnya
Kalau di Hulu menyandang pesaka Dato' Johan Tua Warisnya
Kalau di Hilir menyandang pesaka Dato' Maharaja Lela
Tua Warisnya.



7. Kalau hak ini yang ternyata dari segi Perlembagaan Adatnya sebagai hak asasi Dato' Dato' Lembaga Adatnya yang bergelar Dato' Maharaja Lela dan Dato' Andika Mendelika yang menjadi ketua dalam kumpulan Lembaga Lembaga Adatnya cuba diketepikan oleh pihak pihak tertentu lebih lebih lagi pihak yang tidak ada kena mengena dengan tugas perlantikan seumpama Dato' Shahbandar yang kita tahu sebagai Tunggak Waris di Air yang mana peranan Dato' Shahbandar hanya mengisytiharkan sesiapa yang bakal penyandang pesaka Undang bagi penyempurnaan istiadat. Tentang urusan pemilihan walau pun ada disebutkan dalam Perbi-langan Adat:-

" Telur sabiji sama ditatang
Pesaka satu sama dibela "

Tetapi pada amalnya Dato' Shahbandar tidak ber-peranan sebagai pelantik yang bakal menentukan siapakah calon yang layak dilantik tanpa merujuk kepada Tua Lembaga Tiang Balainya dan Tua Lembaga Waris Kelana. Pada hemat patik-patik sakalian pihak Dewan sendiri tentu lebih 'arif lagi akan perkara itu dan tidak akan mengenyepikan hak asasi Dato' Dato' Lembaga Adat ini dalam menyempurnakan kewajipan masing-masing. Sebagai sebuah negeri yang menyanjung prinsip Perlembagaan yang berasaskan Rukun Negara yang dicipta begitu rupa, mengenyepikan hak asasi Dato' Dato' Lembaga Adatnya bagi menentukan pesaka Undang ini bolih ditakrifkan mencemarkan Perlembagaan. Kerana dalam konteks penyusunan masyarakat kenegaraan mahu pun kenegerian seperti di Malaysia ini atau pun di Negeri Sembilan ini umpamanya, hak kedaulatan wilayah (Luak) juga dilindungi sebagaimana peruntukan yang tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan Article 181 (I) yang berbunyi:-

" Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, kedaulatan, kuasa dan bidangkuasa Raja-Raja dan kedaulatan, kuasa dan bidangkuasa Pembe-sar-Pembesar Memerintah Negeri Sembilan dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinekmati hingga sekarang adalah tetap tidak tersentuh."

8. Jadi di Luak Sungai Ujong ini walau pun dimasa ketiadaan Undang-nya namun andika dan kuasa Undang tetap terpelihara. Warisnya iaitu Waris Kelana yang diterajui oleh Tua Lembaga Warisnya yang bergelar Dato' Maharaja Lela yang mesti diambil kira mengikut proses per'adatan yang diakui kedudukannya dilindungi oleh Perlembagaan Negeri ini. Demi untuk menjaga hak hak asasi Dato' Dato' Lembaga Adat itu tentu Dewan akan menjalankan tugasnya merujuk kepada Perlembagaan yang tercatat untuk melaksanakan sistem per'adatan berpandukan Undang-undang tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 itu.

9. Krisis perlantikan Dato' Muda Linggi bolih dijadikan panduan yang walau bagaimana pun situasinya adalah dibawah bidangkuasa Undang Luak Sungai Ujong. Jika Dewan tidak mengatasi dengan mengembalikan hak Sungai Ujong kepada Sungai Ujong dalam persoalan perlantikan Undang-nya sebagaimana yang tercatat dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, 1959 Bab 5(I) Ceraian 14 (I) bererti satu sejarah pencemaran Adat dan Perlembagaan negeri ini dilakukan dengan sewenang-wenangnya dan akan tercatatlah satu sejarah hitam yang amat mendukacitakan.

IO. Jika pengeneopian hak Lembaga Lembaga Adat Sungai Ujong ini diteruskan oleh pihak pihak yang berkenaan maka ia akan mengakibatkan satu krisis. Perlembagaan yang besar dan bertentangan sama sekali dengan prinsip Rukun Negara dan keutuhan Perlembagaan Persekutuan yang mengakui bidangkuasa Pembesar pembesar Memerintah didalam wilayah dan luak masing-masing.

II. Apabila didapati Dato' Shahbandar telah bertindak liar dan tidak menjalankan peraturan adat dan penglibatannya secara langsung untuk menentukan pesaka Undang Luak Sungai Ujong maka patik patik sakalian tidak pula berdiam diri bahkan patik patik Dato' Lembaga Adat Waris diDarat pada keseluruhannya berpadu tenaga menyumbangkan tugas patik patik kerana patik patik sakaliannya percaya bahawa Dato' Shahbandar tidak lagi bolih dibawa dimeja perundingan. Walau patik semuanya tahu bahawa Dato' Shahbandar adalah salah seorang Ahli Dewan, keengganan beliau menamatkan krisis dengan tujuan supaya beliau dapat memangku jawatan Undang Sungai Ujong yang kosong selama lebih dari 4 tahun itu dapat dicapainya dengan meminta patik patik sakalian memulangkan benang putih kepadanya,

Sekian,

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.

وبالله التوفيق والهداية

اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَرَبُّكُمْ لَنَا أَعْمَالًا وَلَكُمْ آعْمَالٌ لَكُمْ لَا حُجَّةَ بَيْنَنَا
وَبَيْنَكُمْ اللَّهُ يَجْمَعُ بَيْنَنَا وَالْيَوْمِ الْمَصِيرُ رَبَّنَا افْتَحْ بَيْنَنَا
وَبَيْنَ قَوْمًا يَا حَقِّ وَأَنْتَ خَيْرُ الْفَاتِحِينَ .

Adalah patik patik pacal yang menurut perintah,


Dipersetujui dan disahkan oleh
Tua Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong


.....
(Dato' Andika Mendelika)
MOHD FADZIL BIN NORDIN
TUA LEMBAGA TIANG BALAI


.....
(Dato' Maharaja Lela)
ZAMHARI BIN HJ. ABD. RAHMAN
TUA LEMBAGA WARIS KELANA
HILIR DAN HULU


.....
(Dato' Menteri)
SAHAL BIN ABD. RAOF


.....
(Dato' Raja Dimuda)
ZAINUDDIN BIN MUSA


.....
(Dato' Maharaja Inda)
ABD. GHAFAR BIN HJ. TAHIR.

GARIS PANDUAN

Perbilangan Adat ada mengatakan:-

- " Bulat anak buah menjadikan Buapak
- Bulat Buapak menjadikan Lembaga
- Bulat Lembaga menjadikan Undang
- Bulat Undang menjadikan Raja 'Yang DiPertuan' ".

Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan ada menyebutkan:-

Bab 5 Ceraian I4 (I) yang berbunyi:-

- " Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Jelevu, Undang Luak Johol, dan Undang Luak Rembau, hendaklah orang-orang yang dipilih dengan sahnyanya menurut 'adat Luak mereka masing-masing."

Bab 6 Ceraian I6:-

- " Hendaklah ada sebuah Dewan Ke'adilan dan Undang yang dinamakan dalam Bahasa Inggrisnya," The Council of the Yang Di Pertuan Besar and the Ruling Chiefs "yang kemudian daripada ini disebut sebagai Dewan untuk menasihatkan atas soal-soal berkenaan dengan 'adat istiadat orang-orang Melayu dimana-mana tempat dalam negeri ini ".

Bab 8 Ceraian 32:-

- " maka bahagian ini tiadalah menyentuh aturan dan 'adat perbekala tetapi aturan dan 'adat zaman perbekala itu mana-mana yang tidak berlawanan kehendaknya dengan bahagian ini berjalan seperti dahu-lu juga".

Mengikut Peruntukan-Peruntukan yang tercatat dalam 'Trombo Adat Luak Sungai Ujong yang sebahagiannya ada dinukilkan kembali dalam buku " Negeri Sembilan dan Sejarahnya " Oleh Haji Abd.Samad Idris sekarang bergelar (Tan Sri/Dato') Muka Surat 61 yang berbunyi:-

- " Waris Kelana, dua orang ibu bapa ialah Dato' Mahara-ja Lela Waris Hilir dan Dato' Johan Waris Hulu, Dato' Dato' ini berkuasa memilih sesiapa yang patut men-jadi Dato' Kelana Sungai Ujong. Sabenarnya Dato' Da-to' yang dikatakan Waris Kelana ialah 'Ibu Bapa' ke-pada dua keturunan Perut yang tertinggi di Sungai U-jong iaitu Waris Hilir dan Waris Hulu."

Berdasarkan pula kepada article 181 (I) Perlembagaan Persekutu-an ada disebutkan:-

- " Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, kedau-latan, kuasa dan bidangkuasa Raja-Raja dan hak kedau-latan kuasa dan bidang kuasa Pembesar Pembesar Meme-rintah Negeri Sembilan dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinekmati hing-sekarang tetap tidak tersentuh."

Berdasarkan dalam buku J.M.Gullick Volume 22, part 2 Muka Surat 31 & 32 pula disebutkan:-

" The Dato' Klana is an elected ruler but the choice of candidates and the roll of elector is strictly limited. The right to provide a Dato' Klana is limited to the Waris Klana, which is a section of the Waris diDarat..... on the death of the previous Dato' Klana the authority to set the constitutional process in motion vests in the Dato' Andika, Lembaga of Waris diDarat in which the Waris Klana is included and senior member of the council of Lembaga Tiang Balai. The Dato' Andika summons the Waris Klana and the other member of the lembaga Tiang Balai to the Balai of Undang in order that successor may be elected."

Lembaga Tiang Balai(J.M. Gullick M.S. 66 Volume 22 Part 2:-

1. Dato' Andika Mendelika
2. Dato' Sri Maharaja Diraja
3. Dato' Akhir Zaman

Dan mencukupi empat dengan salah seorang Dato' yang bergajah tunggal.

Dato' bergajah tunggal iaitu bukannya Lembaga Tiang Balai :-

1. Dato' Dagang Paroi
2. Dato' Muda Labu

Tua didalam Waris Undang:-

1. Tua Waris Hilir Dato' Maharaja Lela
2. Tua Waris Hulu Dato' Johan

Lembaga Tiga Persukuan:-

1. Dato' Menteri (Suku Semelenggang)
2. Dato' Raja Dimuda (Suku Biduanda)
3. Dato' Maharaja Inda (Suku Batu Hampar)

Fungsinya Lembaga Yang Tiga ini ialah:-

" Menebang kayu nan sebatang
Mencanteh akar sahelai
Melambuk tanah sabungkah
Membuka belah negeri berpenghulu "

Diantara tugas-tugasnya Lembaga Tiga Persukuan:-

1. ialah sebagai Penyuluh 'Adat di Pantai dan Sungai Ujong.
2. Bekerjasama dengan Tua Lembaga Waris dalam soal manapis, mengkaji serta mencari benih yang baik yang sah didalam Waris yang tertentu.

Olih itu diharap pihak Dewan Keadilan dan Undang sebagai Dewan Tertinggi Adat dinegeri ini harus pula merujuk dan mengikut lunas-lunas Perlembagaan yang tercatat demi untuk melaksanakan tugas-tugas ke'adilan.

Perkara ini harus dipandang berat kerana memandangkan krisis 'adat ini telah berlarutan masanya. Harus jua diingat akan proses pemilihan ini adalah berlunaskan unsur-unsur adat yang teruca terpakai dalam Luak Sungai Ujong ini yang berlukis berlembaga, bertunggul berpemarasan, berpandukan hukum yang berhadis berfirman dan Kitab yang berlapaz bermakna mengikut Perlembagaannya yang tersirat dan tersurat.

Dan akhir kata patik patik telah mencapai kata muafakat untuk menyelesaikan masaalah patik patik yang mana diharapkan pihak Dewan akan memberikan peluang ini kepada Lembaga adat di Luak Sungai Ujong ini untuk menyelesaikannya.

Ampun Tuanku,

Salinan Kepada:-

1. Yang Amat Mulia,
Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman,
Undang Luak Jelebu,
KUALA KEDAWANG.
(Dato' Haji Musa bin Wahab, DTNS., PJK.)
2. Yang Amat Mulia,
Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan,
Undang Luak Johol,
JOHOL.
(Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd Som)
3. Yang Amat Mulia,
Dato' Sedia Raja,
Undang Luak Rembau,
REMBAU.
(Dato' Haji Adnan bin Ma'ah, DTNS.)
4. Yang Amat Mulia,
Tunku Besar Tampin,
TAMPIN.
(Tunku Syed Idrus bin Tunku Syed Mohammad, DTNS.)
5. Yang Amat Mulia,
Tunku Besar Sri Menanti,
KUALA PILAH.
(Tunku Muhris Ibni Almarhum Tuanku Munawir, DKYR., PPT.)
6. Yang Amat Berhormat,
Dato' Menteri Besar,
Negeri Sembilan,
SEREMBAN.
(Dato' Haji Mohd Isa bin Dato' Haji Abd.Samad, DSNS, PMC.)
7. Yang Berhormat,
Dato' Setiausaha Kerajaan,
Negeri Sembilan,
SEREMBAN.
(Dato' Amirruddin bin Kaharuddin.)
8. Yang Berhormat,
Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri,
Negeri Sembilan,
SEREMBAN.
(Tuan Abu Samah bin Nordin.)
9. Yang Berbahagia,
Pemangku Setiausaha Dewan Ke'adilan dan Undang,
Negeri Sembilan,
SEREMBAN.
(En. Abdullah Thani.)